

**DALAM MAHKAMAH SESYEN DI SEREMBAN  
DALAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS, MALAYSIA  
PERMOHONAN JENAYAH NO : 64FOP – 09 – 10/2016**

**ANTARA**

**TAI CHEE MENG**

**... PENUNTUT**

**DAN**

**PENDAKWA RAYA**

**... RESPONDEN**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**A. PENDAHULUAN**

[1] Penuntut telah ditangkap dan beberapa harta telah disita oleh polis selaras seksyen 25(1) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 (selepas ini dirujuk sebagai 'Akta tersebut').

[2] Permohonan telah dibuat melalui rujukan tuntutan di bawah seksyen 32(3) Akta tersebut oleh penuntut dengan menuntut harta-harta seperti berikut:-

<b>NO.</b>	<b>KOD</b>	<b>HARTA YANG DISITA</b>
1	E8	Wang tunai RM5,950.00
2	E47	Wang tunai RM5,410.00
3	E77	Kereta jenis Toyota Vios warna kelabu no. pendaftaran WQG 5919

4	E86	Wang dalam akaun Malayan Banking Berhad – Nombor akaun 112072074018 berjumlah RM2,349.11
5	E90	Wang dalam akaun Malayan Banking Berhad – Nombor akaun 512071121943 berjumlah RM870.71
6	E103	Wang dalam akaun Hong Leong Bank – Nombor akaun 3950134119 berjumlah RM776.04

## B. UNDANG-UNDANG

[3] Peruntukan undang-undang yang berkaitan berbunyi seperti berikut:-

*“(1) Where **any property has been seized under this Act**, other than under or by virtue of Part VII, and-*

*(a) no prosecution for any offence under any law is instituted with regard to such property;*

*(b) no proceedings are commenced by the Public Prosecutor for the forfeiture of such property under Part III; and*

*(c) no claim in writing is made by any person that he is lawfully entitled to such property and that it is not liable to forfeiture under this Act or under the Dangerous Drugs Act 1952,*

*within three months from the date of its seizure, the property shall become forfeited immediately upon the expiration of the said period of three months.*

*(2) Where within three months from the date of the seizure of any property under this Act, **a claim in writing is made** thereto by any person in the terms mentioned in paragraph (1)(c), the Public Prosecutor shall within fourteen days after the expiry of the said period of three months, **refer such claim** to a Sessions Court for its decision.”*

[4] *Locus standi* untuk mengemukakan tuntutan di bawah seksyen 32(2) akan timbul apabila harta penuntut disita dan penuntut memberi notis bertulis dalam tempoh 3 bulan dari tarikh penyitaan bahawa ia secara sahnyanya mempunyai hak terhadap harta yang disita. Apabila notis diberi selaras peruntukan undang-undang di atas, Pendakwa Raya hendaklah dalam tempoh 14 hari dari tarikh luput 3 bulan tersebut, merujuk tuntutan tersebut kepada Mahkamah ini untuk keputusannya.

[5] Ringkasnya, ada 3 intipati penting dalam seksyen tersebut iaitu, penyitaan, tuntutan bertulis dan rujukan tuntutan.

### C. KUASA PENDAKWA RAYA DALAM MERUJUK TUNTUTAN

[6] Tiada pihak lain kecuali Pendakwa Raya yang boleh dan mesti merujuk tuntutan kepada Mahkamah ini. Ini bermakna tugas Pendakwa Raya tidak mirip pendakwaan kes jenayah di mana ia mempunyai obligasi tinggi selari jurisprudens keadilan jenayah. Dalam prosiding di hadapan mahkamah ini, peranan yang dimainkan oleh Pendakwa Raya adalah sebagai pihak yang merujuk tuntutan penuntut kepada mahkamah supaya penuntut boleh membuktikan bahawa harta yang dituntut adalah bukan harta salah dan beliau secara sahnyanya berhak kepada harta tersebut.

[7] Sandaran dibuat kepada kes Mahkamah Rayuan, ***PP v. Tan Lee Kok [1988] 2 MLJ 65*** yang memutuskan antara lainnya, seperti berikut:-

*"Section 32(3) places the burden upon the person making the claim "upon proof that he is lawfully entitled thereto." Section 32, therefore, places no burden on the Public Prosecutor to proof anything. It merely places the burden to refer the*

*claim to the Sessions Court. Therefore, under s.32, the role (of the Public Prosecutor is merely to forward the claim and as has been well put by the Deputy Public Prosecutor, the role of the Public Prosecutor is that of a "forwarding agent"."*

#### **D. BIDANGKUASA MAHKAMAH**

[8] Jelas dari Seksyen 32(2) Akta tersebut, mahkamah ini akan hanya mempunyai bidangkuasa apabila tuntutan dirujuk untuk keputusannya (*its decision*). Keputusan yang dimaksudkan tersebut hanya dapat dibuat oleh mahkamah ini setelah pemeriksaan perkara (*examination of the matter*) seperti mana termaktub di bawah seksyen 32(3) Akta tersebut. 'Pemeriksaan perkara' tersebut hendaklah secara pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula saksi. Rujukan dibuat kepada kes ***Public Prosecutor v. Tang Ai Chuo and Anor [1999] 1 LNS 90***, di mana mahkamah memutuskan *inter alia*, seperti berikut:-

*"In my considered opinion the proper procedure would be for the respondents to adduce evidence on oath before the learned Sessions Court Judge to support their claim by the calling of witnesses (including themselves as witnesses) to be examined-in-chief, cross-examined and re-examined akin to the procedure for a full trial be it a civil or criminal trial."*

[9] Dalam kes ***Hong Leong Bank Bhd v. PP [2009] 8 CLJ 463***, Mahkamah Tinggi ada ini untuk dinyatakan apabila tuntutan dirujuk ke mahkamah sesyen:-

*"In other words, once a claim is referred to the Sessions Court by the PP under s. 32 of the Act, the court is entitled to assume and presume that (1) no offence under the Act or under the DDA has been committed in respect of the property and (2) that such property is not illegal property."*

[10] Keputusan yang boleh dibuat oleh mahkamah juga hanya terhadap kepada dua sahaja iaitu, sama ada melepaskan harta tersebut kepada penuntut ataupun melucutkan harta tersebut.

**E. SAMA ADA S.35 AKTA TERSEBUT TERPAKAI DALAM PROSIDING DI BAWAH S.32(3)**

[11] Dalam kes *Hong Leong Bank Bhd v. PP [2009] 8 CLJ 463*, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa anggapan di bawah s.35 hanya terpakai pada 'hirer' jika prosiding di bawah Bahagian III Akta tersebut diambil terhadapnya oleh Pendakwa Raya atas dasar ia adalah 'liable person' dan harta adalah 'harta salah' dan oleh kerana prosiding di bawah s.32 adalah prosiding bukan dibawa oleh Pendakwa Raya terhadap mana-mana orang atas dasar ia adalah 'liable person' atau harta itu 'harta salah', ada ini untuk dinyatakan:-

*"Section 35 of the Act does not apply to a claim under s. 32(1) of the Act, irrespective of whether one takes the literal or purposive approach to the interpretation of that section. While an inquiry under s. 32 is a proceeding under the Act, it is however not a proceeding brought by the PP against any person on the ground that he is a liable person or on the ground that the property is illegal property. Consequently, a proceeding under s. 32(3) of the Act is not a proceeding that is envisaged under s. 35 of the Act and hence the presumptions therein that the court shall presume a person to be a liable person and a property to be an illegal property does not apply to a proceeding under s. 32 of the Act. (paras 18, 26 & 27)*

*Section 32 could never apply to a situation where the PP had reasonable grounds to believe that any property, including property seized by the police pursuant to ss. 25 or 28, was illegal property, because had that been the case,*

*it would have been incumbent on the PP to take proceedings in respect of the property, which in this case was under s. 7(1)(a)(ii) of Part III of the Act. Further, the very fact that the PP acted as a postman or a 'forwarding agent' (Public Prosecutor v. Tan Lee Kok) in referring a claim to the Sessions Court under s. 32(3) of the Act further implied that the PP had reasonable grounds, based on police investigation, to believe that the property was not illegal property. (paras 28 & 29)."*

[12] Malah, asas bagi dapatan oleh Mahkamah Tinggi bertunjangan pandangannya bahawa jika s.35 Akta tersebut diniatkan untuk terpakai kepada semua prosiding termasuk satu tuntutan di bawah s.32(1) Akta tersebut, ia telah sepatutnya menggunakan perkataan ke takat "*In all proceedings under this Act*" walhal di bawah s.32 Akta tersebut hanya diperuntukkan bahawa ia terpakai kepada '*Forfeiture of property seized under the Act where there is no prosecution or no proceedings under Part III or no claim thereto*".

[13] Perlu ditegaskan di sini bahawa keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Hong Leong Bank Bhd (supra)* telah disahkan oleh Mahkamah Rayuan pada 24 Mac 2011 dalam Rayuan Jenayah No: W-09-7-2009 melalui panel YA Azhar Ma'ah, YA Syed Ahmad Helmy Syed Ahmad dan YA Balia Yusof Wahi JJCA walaupun tiada alasan penghakiman bagi keputusan tersebut.

[14] Kes *Hong Leong Bank Bhd (supra)* tidak dipersetujui oleh Mahkamah Tinggi dalam kes ***AmFinance Bhd v. PP [2010] 7 CLJ 607*** dan ***Loi Sui Chi & Satu lagi v. PP [2011] 10 CLJ 430*** di mana anggapan statutori di bawah s.35 Akta tersebut diputuskan terpakai kepada prosiding di bawah s.32 Akta tersebut. Sila lihat kes ***Public Finance Bhd v. Public Prosecutor [1999] 8 CLJ 485***; ***Pendakwa Raya v. Jessie Tan Poh***

**Yoke [2008] MLJU 0910; Kii Sie Hoong v. PP [2008] 1 CLJ 683; PP v. Lee Kee Seng & Anor [2005] 3 CLJ 649; Hong Leong Bank Bhd v. PP [2009] 8 CLJ 33.**

[15] Kemudian, Mahkamah Rayuan dalam kes **Cherian KC George v. PP [2012] 6 CLJ 17** dengan mengikuti majoriti keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi yang memutuskan bahawa s.35 Akta tersebut terpakai kepada prosiding di bawah s.32 Akta tersebut, menyatakan lebih lanjut seperti berikut:-

*“With respect, we are more inclined to agree with the majority of the High Court judges which have held that the presumption under s. 35 of the Act is applicable to a proceeding under s. 32 of the Act. We share the view that s. 35 was intended to apply to all proceedings under the Act. The wordings in s. 35 are very clear. It uses the words “any proceeding”. The words “any proceedings” should and must be given the ordinary meaning that it covers all proceedings under the Act. To say that a proceeding under s. 32(3) of the Act is not a proceeding that is envisaged under s. 35 of the Act and would not be in tandem with the intention of law makers and would be in violation to the clear wordings of s. 35 of the Act.”*

[16] Namun begitu, dalam kes **PP v. Lim Kim Hoei & Anor [2014] 4 CLJ 816**, Mahkamah Rayuan tidak mengikuti kes **Cherian KC George v. PP (supra)** di mana YA Hishamudin Mohd Yunus JCA, adalah juga salah seorang daripada panel hakim dalam kedua-dua kes tersebut, kerana berpandangan seperti berikut:-

*“With respect, we have a different view. We believed the court in Cherian did not have the benefit of full blown arguments, such as are now before us. It was also not brought to the attention of the panel in Cherian that the decision of the High Court in Hong Leong Bank Bhd was upheld by the Court of Appeal. The*

*Court of Appeal in Cherian was also not informed by counsel appearing before it that Hong Leong Bank Bhd was followed by the High Court of Kuching in the unreported judgment of the Sibu High Court in case No: Sibu-42-2010 PP v. Tiong Sii Chong.*

*In our opinion, had the issues and the case law authorities been fully ventilated before the panel in Cherian, the panel then would probably have come to a different conclusion.*

*In our judgment, ss. 32 and 35 should not be read in isolation, but have to be read in the light of and in context of the legislative intent behind the enactment of the Act.”*

[17] Selanjutnya, Mahkamah dalam kes *Lim Kim Hoei (supra)* juga telah memberi pencerahan jitu berkenaan situasi sebenar yang mewajarkan pemakaian s.35 dan 32(3) seperti berikut:-

*“While it is not disputed that any property seized under this Act may be forfeited if they fall within the circumstances stated in s. 32(1), however, it is our view that, unlike a forfeiture proceedings under Part III, the presumptions under s. 35 of the Act do not apply to a claim made under s. 32(2) for the release of such property. This is because under s. 32 no proceedings is brought against any person or in respect of any property on the ground that such a person is a liable person or that such property is illegal property. Instead, s. 32(2) relates to a claim made by a person in respect of any property seized by the police pursuant to Part IV of the Act for which, (i) no prosecution for any offence under any law is instituted with regard to such property; and (ii) no forfeiture proceedings are commenced by the Public Prosecutor for the forfeiture of such property under Part III.”*

[18] Hampir setahun selepas keputusan *Lim Kim Hoei (supra)*, Mahkamah Rayuan dengan keputusan majoriti 4:1 dalam kes ***Jason Chan Huan Sen***



**& Ors v. PP [2015] 2 CLJ 605** telah mengukuhkan kedudukan undang-undang seperti mana yang diputuskan dalam *Lim Kim Hoei (supra)* bahawa anggapan statutori di bawah s.35 Akta tersebut tidak terpakai kepada prosiding di bawah s.32(3) Akta tersebut dan bahawa tiada apa-apa kekaburan pada s.35 tersebut. Dalam kes tersebut, mahkamah antara lainnya, memutuskan seperti berikut:-

*“To our mind, s. 32(3) of the FOP Act is self-contained regime that specifically pertains to a claim made by a person in respect of a property which is not the subject matter of any prosecution nor of forfeiture proceedings. With respect, we agree with the decision of this court in the Tan Lee Kok 's case (supra ) and we wish to add that in a case where the Public Prosecutor institutes prosecution or forfeiture proceedings under the FOP Act, the 'legal aid' comes in the form of s. 35 to assist him by providing the presumptions as contained therein. But not in proceedings under s. 32(3) of the same FOP Act. While acknowledging that all provisions in the FOP Act must be considered by having due regard to the other provisions housed in the same statute, it must be interpreted harmoniously so as to maintain the integrity of its framework, by giving effect to what Parliament had intended to provide for in the various regimes created within the FOP Act. We took note that the FOP Act has created three separate regimes where separate set procedures are provided for each one of them, namely the prosecution of offences regime, the forfeiture of illegal properties regime, and the proceedings that are being housed under s. 32(3) pertaining to the claim by a person over a property which he claims to be its lawful owner. Taken in that sense, with respect, s. 35 and s. 32(3) of the FOP Act are, in fact and in law, mutually exclusive.”*

[19] Setelah kesemua undang-undang kes yang diputuskan itu dianalisa, kini kedudukan undang-undang adalah jelas bahawa anggapan di bawah s.35 Akta tersebut tidak terpakai dalam prosiding di bawah s.32(3) Akta tersebut. Pada peringkat ini adalah suai manfaat jika satu petikan

keputusan kes *Jason Chan Huan Sen (supra)*, diperturunkan di sini untuk penaaakulan bersama, yang berbunyi seperti berikut:-

*“We are aware that this sitting of five judges was empanelled to resolve the apparent conflict that now exists pursuant to the two decisions emanating from this court in the Cherian's case (supra ) and the Lim Kim Hoei 's case (supra). At the end of that exercise, as a court of co-ordinate jurisdiction, this court is at liberty to choose which of the conflicting decisions to follow regardless of their relative age. This is one of the three exceptions to the general rule that the Court of Appeal is bound by its own decisions, as adumbrated in the case of Young v. Bristol Aeroplane Co Ltd [1944] KB 718 CA. This forms an integral part of the larger and crucial principle of stare decisis.”*

#### **F. TUGAS PENUNTUT DALAM PROSIDING S.32(3)**

[20] Adalah beban penuntut dalam kes ini untuk mengemukakan keterangan yang *credible* bahawa harta-harta tersebut telah diperolehi secara sah dan oleh itu beliau berhak kepadanya. Menurut kes *Lim Kim Hoei (supra)*:-

*“The only burden of the respondents is to adduce sufficient credible evidence that the properties were acquired by them through lawful means and that they were lawfully entitled to such properties.”*

#### **G. SAMA ADA PENUNTUT BERJAYA DALAM MEMIKUL DAN MELAKSANAKAN BEBANNYA**

**(a) Tuntutan Penuntut ke atas wang tunai RM11,360.00 (E8 & E47) dan wang dalam 3 akaun bank (E86, E90 & E103)**

[21] Hanya penuntut memberi keterangan. Dalam keterangannya, beliau menyatakan bahawa beliau telah mula bekerja secara tidak tetap di kedai haiwan peliharaan, sebagai tukang cat dan sebagai penjual loket agama sejak tahun 1996 semasa beliau berumur 18 tahun hingga beliau ditangkap. Fakta bahawa penuntut bekerja selama 21 tahun gagal dicabar oleh pihak Responden. Adalah undang-undang mantap bahawa fakta material yang gagal dicabar oleh pihak penentang hendaklah dianggap sebagai telah diterima sebagai benar oleh mereka.

[22] Beliau juga mendedahkan bahawa gaji permulaan ialah lebih kurang RM1,000.00 tetapi telah menerima kenaikan gaji setiap tahun sehingga beliau ditangkap di mana beliau telah menerima lebih kurang RM2,500.00. Fakta material ini juga tidak dicabar oleh Responden.

[23] Dalam kes ***Chukwudi Hassan v. PP [2015] 8 CLJ 353***, Mahkamah Rayuan ada ini untuk dinyatakan berkenaan keterangan memihak tertuduh (penentang) yang gagal dicabar, seperti berikut:-

*“In terms of law, failure to challenge evidence favourable to the accused could be considered as an admission that the evidence was not disputed.”*

[24] Menurutny lagi, keseluruhan wang itu adalah hasil daripada penjimatanya sepanjang tempoh pekerjaannya selama 21 tahun setelah ditolak kos tampungan kehidupannya, ansuran kereta, wang pemberian sekali-sekala kepada ibubapanya dan kos pembelian makanan anjing. Penuntut juga mengesahkan bahawa oleh kerana beliau masih bujang beliau dapat berjimat dan menyimpan duit.

[25] Mahkamah mendapati tidak mustahil bagi penuntut yang bekerja selama 21 tahun dengan gaji di antara RM1,000.00 hingga RM2,500.00 memiliki wang sejumlah RM11,360.00 dalam simpanannya dan RM3,995.86 dalam 3 akaun banknya setelah ditolak kos sara hidupnya sebagai seorang bujang dan pemberian kepada ibubapanya (sekali-sekala) dan kos remeh seperti kos pembelian makanan untuk anjing. Mahkamah tidak dapat melihat apa-apa yang janggal untuk penuntut dalam kapasiti itu untuk berjimat dan mempunyai simpanan keseluruhan sebanyak RM15,355.86.

[26] Mahkamah mendapati penuntut berjaya dalam melaksanakan (discharge) beban yang diletakkan ke atasnya dengan mengemukakan keterangan yang boleh dipercayai bahawa kesemua wang itu telah diperolehi dengan cara yang sah dan oleh itu, beliau berhak kepada harta-harta tersebut.

**(b) Tuntutan Penuntut ke atas kereta Toyota Vios WQG 5919 (E77)**

[27] Menurut keterangan SP1, kereta Toyota Vios bernombor pendaftaran WQG 5919 tersebut telah dibeli secara sewa beli pada harga lebih kurang RM80,000.00 dari Public Bank pada tahun 2007 dan pinjaman itu telah habis dibayar secara ansuran bulanan sebanyak RM763.00 pada tahun 2016. Menurut Maklumat Terperinci Kenderaan dan Insurans iaitu, P2, beliau ialah pemilik berdaftar kenderaan tersebut.

[28] Beliau menambah lagi bahawa deposit pembelian kereta sejumlah RM5,000.00 yang dibayar itu adalah hasil dari simpanan beliau dengan melakukan kerja sambilan dan kerja di kedai Bah Kut Teh manakala,

ansuran bulanan kereta tersebut dibayar hasil dari penjualan loket agama melalui internet dan jual beli anjing.

[29] Adalah jelas dari keterangan Penuntut yang *credible* dan melimpah bahawa kereta berkenaan adalah dibeli oleh beliau dengan cara yang sah semasa gaji beliau dalam lingkungan RM2,000.00 hingga RM2,300.00 dan oleh itu, beliau berhak kepada harta tersebut. Adalah mantap bahawa kereta tersebut dibeli selepas 10 tahun beliau bekerja dan tidak mustahil untuk beliau mempunyai tabungan yang secukupnya untuk membayar deposit sejumlah RM5,000.00 semasa pembelian kereta tersebut.

[30] Mahkamah tidak melihat apa-apa yang luar biasa untuk mendapati penuntut yang pada waktu itu yang menerima gaji seperti di atas sebagai tidak mampu untuk membayar ansuran bulanan sejumlah RM 763.00 dengan mengambil kira jua komitmen lain seperti kos sara hidupnya, pemberian kepada ibubapa dan kos remeh yang lain. Penuntut berjaya melaksanakan beban yang diletakkan ke atasnya dengan mengemukakan keterangan yang boleh dipercayai bahawa kesemua harta itu telah diperolehi dengan cara yang sah dan oleh itu, beliau berhak kepada harta tersebut.

#### H. BEBAN RESPONDEN (PENDAKWA RAYA)

[31] Dalam kes *Hong Leong Bank Bhd v. PP [2009] 8 CLJ 463*, mahkamah memutuskan berkenaan beban Pendakwa Raya apabila penuntut berjaya membuktikan bahawa ia berhak kepada harta yang disita, antara lainnya seperti berikut:-

*“Instead, the burden is on the PP, if it has evidence to the contrary based on police investigation, to introduce rebuttal evidence that the property was illegal property .....*”

[32] Mahkamah ini berpendirian bahawa oleh kerana penuntut telah berjaya melaksanakan bebannya dalam membuktikan beliau berhak kepada harta-harta yang dituntut, kini beban beralih kepada Responden untuk membuktikan bahawa harta-harta tersebut adalah harta salah (*illegal property*) dan dalam ketiadaan keterangan sangkalan (*rebuttal*) tersebut, mahkamah ini hendaklah menganggap harta-harta tersebut sebagai bukan harta salah.

[33] Dalam keterangan saksi responden pertama (SR1) iaitu pegawai penyiasat kes ini, tiada sebarang keterangan yang menunjukkan bahawa harta milik penuntut itu adalah harta salah. Beliau hanya memberi keterangan berkenaan E86 iaitu, wang dalam akaun Malayan Banking Berhad. Menurutnya, beliau telah hanya mendapatkan butiran wang keluar masuk dan menyoal siasat penuntut berkenaan sumber wang itu. Tiada sebarang keterangan sangkalan dari saksi ini terhadap harta tersebut dalam kes ini.

[34] Bukan itu sahaja. Pihak Responden juga telah gagal mengemukakan apa-apa keterangan sangkalan melalui satu-satunya saksi iaitu, SR1 berkenaan 5 harta lain yang disita untuk menunjukkan harta-harta tersebut adalah *‘illegal properties’*. Malah, tiada sebarang keterangan dikemukakan oleh pegawai penyiasat ini mengenai kesemua 5 harta itu.

[35] Rentetan itu, mahkamah mendapati pihak Responden telah gagal untuk menyangkal bahawa kesemua 6 harta yang disita adalah 'illegal properties'.

## I. KEPUTUSAN

[36] Dalam kes **Jason Chan Huan Seng & Ors v. Public Prosecutor and Other Appeals [2015] 1 MLJ 701**, mahkamah antara lainnya memutuskan seperti berikut:-

*"In determining whether the appellants had succeeded in proving that the properties were not illegal properties and that they were lawfully entitled to the properties it was necessary to examine the evidence adduced by the appellants. In this regard it was noted that the sessions court judge had completely ignored the income earned by the third and fourth appellants from the time they began their respective employment until 1992, ie a period of 17 and 16 years respectively, on the basis that most of the properties were purchased since 1995. Further, the sessions court judge had completely ignored the evidence that the third appellant had received loss of employment cash payment of RM38,172.50 and that in 1997 he was paid the sum of RM45,000 by Great Eastern Life Insurance Co for a matured policy. There was no reason why that evidence should be ignored or rejected, especially since there was no challenge by the prosecution. In addition, the sessions court had also completely ignored the gains that could be reasonably be obtained by the appellants through shrewd and careful investments of their employment income and their other legitimate source of income. There was sufficient evidence adduced before the sessions court for it to release the two moveable properties to the appellants. There was nothing inherently improbable in the explanation given by the appellants as to how they were able to financially manage to acquire the two apartments. In the absence of any evidence to the contrary, the sessions court and the High Court ought to have found that the appellants had succeeded in proving, on the balance of probabilities, that the two moveable*

*properties were not illegal properties and that they were lawfully entitled to the same.*

[37] Atas alasan-alasan yang diutarakan di atas, mahkamah ini dengan sesungguhnya mendapati penuntut, atas imbangan kebarangkalian berjaya membuktikan harta-harta tersebut diperolehi secara sah di mana tiada sebarang kesalahan dilakukan di bawah Akta ini atau Akta Dadah Berbahaya berkaitan harta-harta tersebut dan beliau berhak kepada harta-harta yang dituntut dan seterusnya mahkamah telah memerintahkan supaya harta-harta tersebut yang juga tidak menyalahi undang-undang iaitu, E8, E47, E77, E86, E90 dan E103 dilepaskan kepada penuntut.

Disediakan oleh:

  
(RAMESH A/L GOPALAN)

Hakim

Mahkamah Sesyen 3

Seremban

Pada : 06.08.2018

Bagi Penuntut:

Dato' Sivananthan bersama Cik Low Huey Theng

Tetuan Sivananthan

Petaling Jaya



Bagi Responden:

Puan Norshazwani bt Ishak  
Timbalan Pendakwa Raya  
Pejabat Penasihat Undang-Undang  
Negeri Sembilan